

UiTM: Dilema antara kedudukan dan peranan untuk Bumiputera
Malaysian Insider
Sept 20 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik

Kenyataan Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar bahawa universiti itu tidak mengejar kedudukan universiti terbaik dunia mendapat reaksi berbeza di kalangan mereka yang terlibat dengan institusi Bumiputera itu.

Kesatuan kakitangannya berbeza dengan Sahol kerana kedudukan ini, sementara persatuan alumni dan kumpulan pejuang hak Melayu, Perkasa menyokong Sahol menyatakan bahawa kedudukan itu tidak sepenting peranan UiTM untuk pelajar Bumiputera.

Setiausaha Agung Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (Mitasa), Norshiha Maidin, berkata selaku universiti yang menjalankan penyelidikan, berada dalam kedudukan universiti terbaik penting bagi melambangkan keutuhan sesuatu institusi akademik itu.

Oleh itu, katanya, kedudukan di kalangan universiti dunia juga penting untuk dikejar oleh UiTM.

Sahol ketika ditemui The Malaysian Insider pada Sabtu lalu berkata, UiTM tidak pernah meminta untuk dinilai bagi berada dalam kedudukan itu dan salah satu faktor yang diambil kira adalah bilangan pelajar antarabangsa menjadikan UiTM kurang daripada segi pemarkahan.

"Jika UiTM mahu muncul di kalangan universiti terbaik mungkin sukar, selain bebanan seharian pensyarah yang tambah menyulitkan untuk tampil dengan penyelidikan dan penerbitan.

"Pengurusan seharusnya mempunyai sasaran untuk dicapai selain agendanya bagi membantu pelajar Bumiputera. Jika UiTM sendiri tidak membantu pelajar tersebut, maka sukar mencari institusi lain seperti UiTM," katanya semasa dihubungi The Malaysian Insider sebelum ini.

Norshiha berkata, kualiti pelajar tidak perlu dipertikaikan tetapi keunikan UiTM sendiri yang terdiri daripada banyak fakulti dan kampus cawangan memberi cabaran berbeza.

Katanya, pertambahan pelajar yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hanya akan menambah bebanan pensyarah dan menyebabkan masa penyelidikan yang harus dilakukan pensyarah berkurangan.

Bagaimanapun, Persatuan Alumni UiTM tidak sependapat dengan Mitasa.

Salah seorang pemimpinnya ketika dihubungi The Malaysian Insider berkata, kenyataan Sahol itu bertepatan dengan prinsip UiTM yang dilihat berbeza daripada institusi pendidikan lain.

Katanya, fungsi UiTM ditubuhkan bagi memperkasa pelajar Bumiputera dan tidak wajar dibandingkan dengan institusi akademik yang berbeza objektifnya daripada UiTM.

"Universiti ini juga tidak mengambil pelajar luar negara kerana matlamatnya untuk melatih pelajar Bumiputera.

"Kualiti kemasukan ke UiTM sangat dikawal rapi kerana bukan sahaja mengambil pelajar berkeelayakan tetapi fokusnya ditumpukan kepada pelajar lepasan SPM yang mendapat keputusan enam ke 10 A dalam mata pelajaran yang diambil," katanya.

Kepimpinan alumni universiti yang tidak mahu namanya disebut itu berkata, UiTM adalah sebuah universiti terkemuka yang melahirkan pelajar bijaksana ekoran kualiti pendidikan yang diberikan.

Katanya, graduan yang dilahirkan UiTM memenuhi pasaran pekerjaan apabila ramai di antara mereka mudah mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian.

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) pula menyifatkan UiTM masih berada dalam kedudukan universiti terbaik dunia kerana daripada 30,000 universiti yang dinilai di serata dunia, hanya 5,000 yang disenarai pendek dan UiTM berada di sekitar tangga 700 dalam senarai itu.

Pengerusinya, Datuk Ibrahim Ali, berkata objektif UiTM yang mengutamakan Bumiputera menyebabkan tiada pelajar bukan Bumiputera selain pensyarahnya juga banyak terdiri daripada tenaga separa profesional.

"Saya difahamkan ada universiti yang membelanjakan sekitar RM500,000 bagi memastikan berada dalam kedudukan tersebut. Alangkah baiknya dana tersebut dijadikan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan.

"Kecemerlangan sisiwazah UiTM juga terserlah apabila ada di antara mereka yang berjaya menggondol anugerah inovasi dan mendapat pertauliahahan akauntan profesional.

"Kedudukan universiti itu tidak memberi apa-apa makna sekiranya pelajar yang dilahirkan tidak menepati pasaran pekerjaan," katanya semasa dihubungi The Malaysian Insider.

Ibrahim berkata, contoh terbaik adalah pelajar Giat Mara meskipun tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi tetapi ilmu dalam bidang kemahiran menjadikan mereka berjaya meraih pendapatan kira-kira RM6,000 sebulan. – 20 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/uitm-dilema-antara-kedudukan-dan-peranan-untuk-bumiputera>